

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 MEI 2021
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 29

Censof, Microsoft bekal sistem GRP untuk transformasi digital negara

KUALA LUMPUR - Censof Holdings Berhad (Censof) bekerjasama dengan Microsoft Corp untuk membekalkan sistem Perancangan Sumber Kerajaan (GRP) bagi menggalakkan lagi transformasi digital dalam beberapa industri penting di negara ini.

Pengarah Urusan Kumpulan Censof, Ameer Shaik Mydin berkata, di bawah kerjasama itu, Censof akan berganding bahu dengan Microsoft untuk membekal-

kan sistem GRP, yang akan dikendalikan menggunakan Microsoft Azure bersama-sama teknologi data lain, bagi memenuhi keperluan kerajaan dan sektor awam yang kian berubah.

Katanya, GRP merupakan sebuah sistem pengurusan kewangan yang fleksibel dan boleh diskala selain mengubah sama sekali masa depan perancangan sumber bagi orang awam di Malaysia serta membolehkan kerajaan menyediakan perkhidmatan awam yang lebih baik dengan tahap kebertang-

gungjawaban dan ketelusan kepada orang ramai.

"Ini merupakan sebuah daripada inisiatif kami untuk mengukuhkan kedudukan Censof sebagai peserta penting dalam menyediakan penyelesaian perisian kepada kementerian dan agensi kerajaan.

"Kami akan sentiasa mengikuti perkembangan terkini berkaitan teknologi inovatif dan mempelopori inovasi dan memanfaatkan pengalaman, pengetahuan dan keupayaan kami untuk mereka cipta dan menye-

diakan penambahbaikan kepada produk dan penyelesaian yang menyokong dan mendorong inisiatif Microsoft "Bersama Malaysia", katanya dalam kenyataan di sini pada Khamis.

Censof, sebuah syarikat pegangan teknologi yang mengkhusus dalam penyelesaian perisian pengurusan kewangan telah diumumkan sebagai antara rakan kerjasama Microsoft, baru-baru ini.

Ameer berkata, sistem GRP itu bersedia untuk menyumbang kepada kemajuan teknologi se-

cara lebih meluas bagi sistem perancangan sumber kerajaan yang akan membawa kesan positif kepada keupayaan kerajaan.

Menurut beliau, usaha sama antara Censof dan Microsoft dijayaikan dengan sokongan dan bantuan Crayon, sebuah syarikat global dalam perkhidmatan transformasi digital dan merupakan antara Penyedia Perkhidmatan Terurus Microsoft Azure yang berakreditasi. *Bernama*